PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : INSENTIF AKTIVITI KREATIF DAN INOVASI DI SEKOLAH

201. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah insentif dari Kerajaan Negeri bagi menggalakkan daya kreativiti di kalangan pelajar di sekolah Kerajaan Negeri?

b) Bagaimana dengan insentif untuk SAR?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor melalui Seksyen Pembudayaan Inovasi, Bahagian Korporat menganjurkan program Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) bagi menggalakkan daya kreativiti di masyarakat Negeri Selangor yang merangkumi pelbagai kategori termasuk sekolah Kerajaan Negeri. Salah satu kategori yang dipertandingkan dalam AINS adalah kategori sekolah.

Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) mula diperkenalkan pada tahun 2016 dan merupakan gabungan antara Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (diperkenalkan mulai tahun 2010) dan Program Cabaran *My Innovation* (diperkenalkan pada tahun 2014) yang bertujuan untuk memberi peluang kepada semua penduduk di Negeri Selangor yang meliputi individu / orang perseorangan / penjawat awam, syarikat swasta, pelajar sekolah dan pelajar Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam mencetus idea baru yang kreatif dan inovatif ke arah pembudayaan inovasi di Negeri Selangor.

Antara objektif program ini adalah untuk:

i. Mengumpul maklumat produk / hasil inovasi;

ii. Mempromosi dan menonjolkan produk / hasil inovasi oleh segenap lapisan masyarakat;

iii. Memberikan pengiktirafan kepada produk / hasil inovasi terbaik sebagai bentuk galakan kepada masyarakat di Negeri Selangor mengembangkan minat dan potensi yang berteraskan inovasi dan kreativiti; dan

iv. Memupuk, membudaya dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam pekerjaan dan persekitaran masyarakat di Negeri Selangor.

Pertandingan dipecahkan kepada enam (6) kategori iaitu

i. Kategori Sektor Awam (Pejabat Daerah dan Tanah/ Pihak Berkuasa Tempatan/ Agensi-agensi Lain)
ii. Kategori Sektor Swasta
iii. Kategori Akar Umbi
iv. Kategori Sekolah
v. Kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT)
vi. Kategori Idea Asal / Prototaip Terbaik

Bagi Kategori Sekolah, insentif dan hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

BIL	TEMPAT	HADIAH
1	Johan	RM 5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
2	2 Hadiah Penghargaan	RM 2,500.00 dan Sijil Penghargaan
3	Sagu hati	Sijil Penghargaan

b) Kerajaan Negeri Selangor tiada menyediakan insentif khas untuk SAR. Walau bagaimanapun, bagi meraikan amalan dan pembudayaan inovasi di SAR, pihak SAR boleh menyertai pertandingan Anugerah Inovasi Negeri Selangor (AINS) Kategori Sekolah seperti yang dinyatakan dalam jawapan bagi Soalan (a).

Bagi Kategori Sekolah, insentif dan hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

BIL	TEMPAT	HADIAH
1	Johan	RM 5,000.00, Piala dan Sijil Penghargaan
2	2 Hadiah Penghargaan	RM 2,500.00 dan Sijil Penghargaan
3	Sagu hati	Sijil Penghargaan

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : STATUS KEJAYAAN HIJRAH

202. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan usaha yang diambil oleh Hijrah Selangor dalam melahirkan lebih ramai usahawan menerusi Skim *'Zero to Hero'*?

b) Apakah kriteria syarikat peneraju untuk menyertai skim tersebut?

c) Apakah sasaran bentuk perniagaan dan lokasi perniagaan untuk memastikan ianya meliputi seluruh pelosok negeri?

JAWAPAN:

a) Usaha yang telah diambil oleh Hijrah Selangor dalam melahirkan lebih ramai usahawan menerusi Skim '*Zero To Hero*' antaranya ialah :

i. Mengadakan taklimat berkenaan Skim *'Zero To Hero'* bersama syarikat peneraju ke seluruh Selangor dengan penglibatan 22 Cawangan Hijrah Selangor, Pejabat EXCO, Pejabat Parlimen, Pejabat Dun dan juga Pejabat Khidmat Masyarakat kawasan yang terlibat.
ii. Mengadakan taklimat pada 8 kumpulan sasar iaitu golongan graduan asnaf, OKU, belia, ibu tunggal, siswa, blueprint, wanita ladang dan qariah masjid.
iii. Penglibatan syarikat peneraju dalam program-program kerajaan negeri.
iv. Direktori info lengkap Skim 'Zero To Hero' di laman web Hijrah Selangor.
v. Kaunter informasi syarikat peneraju di program kerajaan negeri seperti di Karnival Inisiatif Peduli Rakyat, Program Kasih PKNS, Made In Selangor dan banyak lagi.
vi. Memantau syarikat peneraju memberikan latihan teori dan praktikal yang berkualiti kepada usahawan.
vii. Pemantauan selama 6 bulan oleh syarikat peneraju dan laporan bulanan prestasi usahawan diserahkan kepada Hijrah Selangor.

b) Kriteria syarikat peneraju untuk menyertai Skim *'Zero To Hero'* ialah :

i. Memiliki dan menjalankan perniagaan sendiri (Bukan konsultan).
ii. Peserta Hijrah Selangor (diutamakan)
iii. Berkemampuan untuk memberikan latihan teori dan praktikal kepada peserta dengan efektif.
iv. Mampu menyediakan modul yang praktikal dan bersesuaian dengan penerimaan peserta dalam tempoh kurang dari 6 bulan.
v. Mempunyai keupayaan untuk memantau prestasi perniagaan peserta
vi. Mampu membekalkan barangan asas yang lengkap dan berkualiti kepada peserta untuk memulakan perniagaan.
vii. Boleh memberi peluang / jaminan pendapatan kepada peserta
viii. Boleh memberikan komitmen yang cukup untuk peserta dan Hijrah Selangor (sekurang-kurangnya dalam tempoh 6 bulan atau lebih bagi pemantauan)
ix. Berkemampuan membantu peserta dari segi pemasaran dan latihan tambahan

c) Sasaran bentuk perniagaan adalah seperti kiosk-kiosk jualan atau perniagaan dari rumah serta perniagaan secara bergerak (*mobile*). Bagi memastikan seluruh rakyat negeri Selangor mengambil peluang perniagaan ini, Hijrah Selangor mempunyai sebuah cawangan di setiap parlimen yang mempromosikan dan mensasarkan peserta bagi perniagaan-perniagaan tersebut.

NO.	SYARIKAT PENERAJU	JENIS PENIAGAAN	STATUS
1	RED ONE	Telekomunikasi	MOBILE
2	CHOMMEL ARECA	1. Ayam Goreng	KIOSK
		2. Ayam Goreng	KIOSK
		3. Milo	KIOSK
3	ALL MALAYSIA CREATION	1. Asas Jahitan	RUMAH/MOBILE
		2. Jahitan (Baju Kanak-kanak)	RUMAH/MOBILE

NO.	SYARIKAT PENERAJU	JENIS PENIAGAAN	STATUS
4	BAKERI RIA	1. Bakeri / Pastri	RUMAH/MOBILE
		2. Dekorasi Kek dan Kek Perkahwinan	RUMAH/MOBILE
5	MFA ACADEMY	1. Burger Hijau	KIOSK
6	ANQR	1. Percetakan Baju	RUMAH/MOBILE
		2. Percetakan Kad Nama	RUMAH/MOBILE
7	TINI'S SPA	1. Urutan Selepas Bersalin	RUMAH/MOBILE
		2. Solekan Profesional	RUMAH/MOBILE
8	KAYSYA ENT	1. Big Cup Coffee	KIOSK
9	BEKAM PANCARAN NUR	1. Bekam	RUMAH/MOBILE
10	POWER MZF GLOBAL	1. Mobile Aircond Services	RUMAH/MOBILE
11	GROOM BARBERSHOP	1. Mobile Barber Services	RUMAH/MOBILE
12	PETAL FLORIST	1. Florist	KIOSK
13	JomSate	1. Kiosk Sate	KIOSK
14	GTuned	1. Mobile Workshop	RUMAH/MOBILE
15	Cucikasut	1. Cuci Kasut Mobile	RUMAH/MOBILE
16	Buah Segar	1. Kiosk Jambu88	KIOSK
17	Dhuha Tensai Resources	1. Kiosk Piza Jepun	KIOSK
18	Chef Tako	1. Kiosk Takoyaki	KIOSK
19	Ilham Kayaman Sdn Bhd	1. Andaman & Pelamin	KIOSK
20	Ombak Tinggi Ent	1. K'Pok King (lekor)	KIOSK

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(N34 BUKIT GASING)

TAJUK : PERATURAN MENJAGA TANAH KEDIAMAN KOSONG BERCERUN

203. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah peraturan kepada pemilik tanah kediaman bercerun untuk menjaga atau membuat penyelenggaraan tanah mereka supaya tidak berlaku tanah runtuh yang boleh membahayakan jiran

b) Adakah pihak kerajaan membuat pemeriksaan terhadap rekod penyenggaraan ini?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman, segala infrastruktur dan cerun di dalam garisan sempadan pemilik kediaman adalah di bawah tanggungjawab pemilik. Pemilik perlu mematuhi syarat-syarat pembinaan termasuk kerja-kerja penyelenggaraan setelah siap dibina yang ditetapkan oleh PBT dengan melantik perunding geoteknikal dan seterusnya membuat penilaian bagi cerun-cerun yang di dapati terhakis atau berisiko. Sekiranya berlaku kacau ganggu, PBT boleh mengeluarkan satu notis bagi memberhentikan kacau ganggu selaras dengan Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) **Seksyen 87. (1) Notis menghendaki kacau ganggu diberhentikan**.

b) PBT melalui Jabatan Kejuruteraan sentiasa membuat inventori cerun-cerun yang berada di dalam kawasan pentadbiran PBT masing-masing serta melaksanakan pemantauan berkala sekali atau dua (2) kali setahun bagi pelaksanaan cadangan kerja penstabilan cerun dengan merujuk garis panduan penyelenggaraan cerun JKR Malaysia.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN
(N07 BATANG KALI)

TAJUK : MEMBANTU KENAIKAN KOS SARA HIDUP RAKYAT

204. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat Selangor menghadapi isu kenaikan kos sara hidup?

b) Apakah inisiatif di peringkat Anak Syarikat Negeri untuk menangani masalah ini?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan langkah-langkah utama antaranya melalui pelaksanaan 43 inisiatif dan insentif di bawah Program IPR dengan enam (6) kluster tumpuan iaitu pendidikan, pekerjaan, perumahan, kekeluargaan, kesihatan dan kebajikan yang bertujuan untuk membantu rakyat dalam menghadapi isu kenaikan kos sara hidup.

Antara program tersebut adalah:

1. **Bas Smart Selangor** yang merupakan perkhidmatan bas percuma mula dilaksanakan pada 1 Julai 2015 dengan mengambilkira aspek-aspek seperti pemilihan laluan di kawasan berkepadatan tinggi untuk disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah. Keutamaan laluan adalah di kawasan yang tiada perkhidmatan bas sedia ada, manakala lokasi tumpuan adalah seperti pusat membeli belah, pejabat-pejabat kerajaan dan kemudahan awam.

2. **Skim Hijrah Selangor** yang merupakan skim mikrokredit kepada golongan miskin untuk membantu berhijrah kepada golongan berpendapatan kelas menengah. Sehingga 31 Julai 2017, seramai 38,914 orang telah mendapat manfaat melalui program ini dengan jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan sebanyak RM240,385,500.00.

3. **Dana Usahawan Mikro Selangor** iaitu insentif kepada usahawan muda berjumlah RM10,000 kepada RM30,000 bagi setiap permohonan sebagai galakan kepada usahawan muda meningkatkan poduktiviti dan pasaran

produk yang seterusnya dapat mentransformasikan taraf hidup ke suatu tahap yang lebih tinggi.

4. **Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan** yang berbentuk penajaan bagi golongan masyarakat individu yang berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan atau pendapatan seisi rumah di bawah RM3,000.00 terutamanya melibatkan peniaga-peniaga kecil. Program ini dilaksanakan dengan pemberian bantuan peralatan/mesin berdasarkan perusahaan yang sedang dijalankan. Antara lima (5) skop utama perusahaan adalah seperti jahitan, perniagaan makanan, perniagaan runcit, pengasuh kanak-kanak dan kraftangan. Sehingga 31 Julai 2017, jumlah penerima manfaat bagi Program Bantuan *Blueprint* Pembasmian Kemiskinan adalah seramai 3,264 orang.

5. **Bekalan Air 20m^3 Percuma** merupakan insentif Kerajaan Negeri bagi meringankan beban kehidupan rakyat khususnya golongan berpendapatan rendah akibat daripada kadar sara hidup dan inflasi yang tinggi dengan menawarkan air bersih sebanyak 20 meter padu, bersamaan dengan 20,000 liter atau 5,680 gelen, setiap bulan bersamaan RM11.40 secara percuma untuk rakyat. Faedah ini adalah untuk semua tanpa mengira taraf ekonomi, kaum, fahaman politik, asalkan tinggal di Selangor, berhak mendapat air percuma tersebut, setiap bulan. Sehingga 31 Julai 2017, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sebanyak RM1,354,206,738.00 bagi membiayai bekalan percuma ini.

6. **Skim Peduli Sihat** adalah penyediaan perkhidmatan percuma penjagaan kesihatan untuk 250,000 keluarga atau sejuta rakyat Selangor yang mempunyai pendapatan isi rumah RM3,000 ke bawah. Kerajaan Negeri memperuntukkan RM125 juta setahun bagi skim ini yang diuruskan oleh Selgate Corporation selaku Third-Party Healthcare Administrator. Peruntukan tersebut merangkumi pembiayaan rawatan kesihatan asas (*primary care*) setiap keluarga yang layak sehingga RM500 setahun. Setiap peserta akan menerima kad kesihatan Peduli Sihat yang membolehkan pemegang akaun utama serta tanggungan, isteri juga anak di bawah 21 tahun menerima rawatan doktor (*general practicioner*) di klinik berdaftar menurut had gunaan dan kelayakan ditetapkan.

b) Anak Syarikat Negeri juga memainkan peranan yang penting dalam mendokong usaha Kerajaan Negeri bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat di Selangor melalui Program *Corporate Social Responsibility* (CSR).

Antaranya Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) telah menyumbangkan zakat perniagaan berjumlah RM100,000 kepada Yayasan Institut Jantung Negara (IJN). Program di bawah jenama Kasih PKNS tersebut merupakan program tahunan yang dilaksanakan sepanjang tahun dan peruntukan diperolehi daripada peruntukan CSR mahupun wang zakat perniagaan PKNS.

PKNS juga komited meneruskan tumpuan dalam menyediakan lebih banyak rumah mampu milik khusus bagi golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Sebanyak 9,000 unit rumah di bawah projek Rumah Selangorku idaman PKNS (RSKU) akan dibina bermula tahun depan hingga tahun 2020. Perancangan projek tersebut membabitkan 12,000 unit termasuk 3,000 unit yang dijangka siap tahun ini. PKNS mengaplikasi elemen *cross* subsidi iaitu menggunapakai hasil keuntungan projek harga tinggi yang dibangunkan untuk menampung projek sosial PKNS yang berharga antara RM20,000 hingga RM30,000 bagi setiap unit.

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad anak syarikat di bawah Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) menjalankan program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) sejak tahun 2011 yang menyediakan peruntukan keseluruhan sebanyak RM30 juta. Program ini melibatkan kursus dan latihan kemahiran usahawan dan bukan usahawan serta latihan kemahiran insaniah terutama kepada mereka yang tidak mempunyai pendapatan atau berpendapatan rendah iaitu kurang daripada garis kemiskinan Selangor iaitu RM1,500 per isi rumah. Antara kursus dan latihan ditawarkan ialah penternakan, rawatan selepas bersalin, jurubekam klinikal, perkhidmatan baik pulih penghawa dingin, perkhidmatan kontraktor binaan, menjahit, pembuatan kek dan roti, percetakan segera, mutawif (ketua rombongan haji) dan penjagaan kanak-kanak. Program yang turut disertai golongan belia, graduan, penganggur, ibu tunggal, pesara dan orang kelainan upaya (OKU) itu berjaya menjana pendapatan bulanan antara RM500 hingga RM10,000 bagi peserta usahawan penternakan, perkhidmatan spa bergerak (RM500-RM8,000), jurubekam klinikal (RM500-RM10,000), perkhidmatan kontraktor binaan (RM1,500-RM40,000) dan baikpulih penghawa dingin (RM1,500-RM 4,000).

Pemerbadanan Menteri Besar (MBI) pula telah mengambil inisiatif dengan memberi insentif berjumlah RM3 juta kepada jemaah haji muassasah Selangor yang bakal menunaikan haji ke Mekah pada tahun ini. Ekoran pencapaian serta kedudukan kewangan semakin kukuh dengan anak syarikat menyumbang dalam pelbagai bentuk pendapatan kepada MBI telah membolehkan program seperti ini dijayakan. Setiap bakal haji yang memenuhi syarat menerima insentif sepenuhnya iaitu RM500 setiap seorang.

Worldwide Holdings Berhad juga tidak terkecuali dalam menghulurkan bantuan kepada rakyat Selangor bagi meringankan beban akibat dari kenaikan kos sara hidup. Antara program yang telah dilaksanakan adalah aktiviti ibadah korban yang telah dilakukan secara tradisi sejak 14 tahun dahulu. Selain dapat membantu masyarakat setempat, ianya juga dapat meningkatkan jalinan ukhwah sesama warga kerja. Sebanyak lapan ekor lembu dikorbankan pada tahun ini di mana sebanyak empat ekor digunakan untuk penyempurnaan ibadah korban manakala empat ekor lagi disumbangkan kepada pihak MBI untuk tujuan agihan kepada asnaf fakir miskin di kawasan sekitar dan di tapak-tapak projek. Selain itu, Worldwide Holdings juga turut menyumbang sebanyak RM883,715 bagi pembelian 168 ekor lembu sempena Program Agihan Lembu Korban Peringkat Selangor bagi tahun ini.

Contoh-contoh program CSR yang dilaksanakan oleh anak-anak syarikat ini jelas membuktikan usahasama yang erat bersama Kerajaan Negeri demi melihat rakyat di Selangor dapat menjalani kehidupan yang kurang membebankan dek kerana kos sara hidup yang tinggi kini. Kerajaan Negeri bersama-sama anak-anak syarikat akan memastikan kekayaan negeri dapat diterjemahkan dalam bentuk sumbangan kebajikan kepada rakyat bagi membantu menaikkan pendapatan dan mengurangkan beban sehari-hari.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(N06 KUALA KUBU BAHARU)

TAJUK : PINTU GERBANG KOTA DARUL EHSAN

205. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kos keseluruhan kerja-kerja naik taraf Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan yang ditanggung oleh Kerajaan Negeri.

b) Adakah nama-nama penderma telah diukirkan di pintu tersebut? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

JAWAPAN:

a) Kos keseluruhan kerja-kerja menaik taraf Pintu Gerbang Kota Darul Ehsan adalah berjumlah RM 9,800,000.00.

b) Tiada nama-nama penderma yang diukir di pintu gerbang tersebut memandangkan kos keseluruhan di bawah Kerajaan Negeri Selangor.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(N23 DUSUN TUA)

TAJUK : PEMBANGUNAN SUKAN GOLONGAN BELIA

206. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Adakah Kerajaan Negeri telah menyediakan insentif yang mencukupi untuk pembangunan sukan golongan belia sebagai salah satu langkah pencegahan dari pelbagai gejala sosial?

b) Jika ya, nyatakan insentif itu?

c) Jika tidak, apakah rancangan alternatif Kerajaan?

JAWAPAN:

a), b) dan c)

Kerajaan Negeri amat prihatin serta menyediakan insentif yang mencukupi untuk pembangunan sukan bagi golongan belia sebagai salah satu langkah pencegahan dari pelbagai gejala sosial dengan menyediakan kemudahan sukan serta meningkatkan mutu sukan terutamanya di kalangan generasi muda dalam menggalakkan penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti kesukanan. Justeru itu, dalam usaha untuk meningkatkan mutu dan kualiti kemudahan sukan, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM40,000.00 kepada setiap DUN untuk projek menaik taraf kemudahan sukan yang mana projek ini akan dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Kemudahan sukan ini disediakan bertujuan untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat dinaiktaraf dan seterusnya digunakan untuk tujuan aktiviti sukan kemasyarakatan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah menyediakan peruntukan sebanyak RM1,900,000.00 bagi pada tahun 2016 untuk membaikpulih kemudahan sukan yang boleh digunakan sebagai pusat latihan dan mengadakan kejohanan sukan bertaraf tinggi seperti pusat latihan gimnastik artistik, gimrama, dewan tempur dan boling padang. Manakala bagi tahun 2017 pula, peruntukan sebanyak RM1,900,000.00 telah diperuntukkan bagi membaikpulih Stadium Mini Shah Alam.

Di samping itu, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM11,570,000.00 bagi menjalankan program-program pembangunan sukan melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) bagi membuat persediaan Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2018 dan seterusnya mengekalkan kejuaraan seperti yang telah dicapai oleh Negeri Selangor pada tahun 2016. Dengan kejayaan SUKMA, Kerajaan Negeri telah memberi insentif sebanyak RM1,123,600.00 kepada atlet-atlet sebagai penghargaan kepada mereka di atas kejayaan tersebut.

Selain daripada itu, pelbagai aktiviti pembangunan sukan golongan belia dengan pelaksanaan oleh Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sebagai agen pembangunan Negeri juga telah dilaksanakan bagi menarik penglibatan golongan generasi muda dalam aktiviti kesukanan. Program-program ini dirangka bagi mewujudkan golongan belia yang sihat, aktif, berpandangan jauh, kreatif dan berdaya saing sekali gus dapat mengelakkan daripada terjebak dengan pelbagai gejala sosial yang semakin membimbangkan.

Sebagai contoh, Program Liga Sukan Selangor Plus telah dilaksanakan bermula pada tahun 2015 dalam usaha untuk menggalakkan aktiviti bersukan di kalangan golongan belia. Pada tahun 2017, program ini masih diteruskan dengan pembaharuan di mana penglibatan adalah di peringkat Penggerak Belia Tempatan (PeBT). Inisiatif ini adalah selaras dengan pelantikan PeBT yang baru di kalangan generasi muda yang berumur 30 tahun ke bawah yang mampu menarik lebih ramai golongan belia untuk menyertai 5 acara sukan yang akan dipertandingkan iaitu tarik tali, futsal, bola jaring 3 on 3, bola keranjang 3 on 3 dan sepak takraw antara regu. Dengan adanya program sukan sebegini, ia mampu untuk menarik minat golongan belia untuk bergiat dalam aktiviti sukan dan seterusnya dapat melahirkan generasi yang aktif dan sihat.

Seterusnya, Program Fun Ride Tour de Selangor telah diadakan bersempena Program Tour de Selangor bagi menggalakkan golongan belia untuk menyertai aktiviti berbasikal yang mana telah menarik minat penglibatan oleh golongan belia dengan penyertaan oleh 400 orang peserta yang berumur di antara 25 hingga 35 tahun. Melalui program ini, secara tidak langsung dapat menggalakkan aktiviti sihat di kalangan belia.

Di samping itu, Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan melalui Majlis Sukan Negeri Selangor juga telah melaksanakan program kerjasama dengan Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO). Di antara program yang telah dilaksanakan ialah Ekspedisi Berbasikal Tandem Kuala Lumpur-Selangor-

Tasik Banding yang telah diadakan pada 19-23 September 2017 dengan kerjasama oleh Persatuan Pelatih Pusat Latihan Gurney, Persatuan Bagi Orang Buta Malaysia (MAB). Program ini berjaya menarik penyertaan sebanyak 70 orang peserta di kalangan belia yang mana seramai 35 orang peserta adalah di kalangan orang cacat penglihatan yang menyertai kayuhan tersebut dan program ini telah membuktikan bahawa kayuhan juga mampu dilaksanakan oleh orang kurang upaya sejauh 400km.

/

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI
(N40 KOTA ANGGERIK)

TAJUK : PELABURAN

207. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapakah peningkatan jumlah pelaburan di Negeri Selangor semenjak 2015?

b) Berapakah peluang pekerjaan baru ditawarkan dari peningkatan pelaburan ini?

c) Apakah usaha Kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan dengan peniaga asing dalam Industri di Negeri Selangor?

JAWAPAN:

a) Berdasarkan projek perkilangan yang diluluskan di Negeri Selangor, jumlah pelaburan yang diluluskan menunjukkan penurunan dari segi jumlah nilai pelaburan berbanding tahun 2015. Namun begitu berdasarkan rekod kelulusan projek perkilangan yang diluluskan pada tahun 2016, menunjukkan peningkatan dari segi jumlah peluang pekerjaan dan juga projek perkilangan yang diluluskan.

Tahun	Projek	Pekerjaan	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
2015	222	14,139	7,963,798,860
2016	242	16,427	7,880,767,374
2017 (Jan – Jun)	87	3,603	1,705,855,394
	551	**34,169**	**17,550,421,628**

(Sumber : MIDA)

b) Peluang pekerjaan baru yang ditawarkan dari kelulusan projek-projek perkilangan adalah sebanyak 34,169 potensi peluang pekerjaan.

c) Antara inisiatif yang diambil oleh pihak Kerajaan Negeri untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing adalah dengan memberi tumpuan kepada industri berasaskan teknologi tinggi dan automasi. Antara industri – industri tumpuan pihak Kerajaan Negeri adalah seperti;-

a. Life Sciences (Pharmaceuticals, Bio-Technology, Medical Devices, Specialty Chemical etc.)

b. *Electrical & Electronics (Solar, etc)*
c. *Machinery & Equipment*
d. *Food & Beverages Manufacturing (Halal Products, etc)*
e. *Transport Equipment (Aero Space, Automotive)*

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menggalakkan pengusaha industri di Selangor untuk mengadaptasi Industri 4.0 dalam proses pengeluaran mereka. Dengan penggunaan automasi dalam sistem pengeluaran, keperluan sumber tenaga kerja kurang mahir dapat dikurangkan dan pihak syarikat lebih berdaya asing.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI
(N03 SUNGAI PANJANG)

TAJUK : BANTUAN PESAWAH

208. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jenis bantuan Kerajaan Negeri kepada pesawah dari 2015-2017?

b) Nyatakan jumlah peruntukan bagi membantu pesawah dari 2015-2017?

JAWAPAN:

a) Jabatan Pertanian telah memberi pelbagai bantuan kepada pesawah seperti baja, baja organik, racun serangga dan kulat, melaksanakan program pengapuran sawah dan bantuan tanaman menggunakan mesin *transplanter.*

b) Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian telah memperuntukkan peruntukan kepada pesawah seperti berikut:

2015 – RM 3.4 juta
2016 – RM 3.4 juta
2017 – RM 3.4 juta dengan tambahan RM 9.4 juta bagi bantuan akibat serangan *Bacteria Leaf Blight* (BLB)

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(N30 KINRARA)

TAJUK : KAWASAN LARANGAN MEROKOK

209. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan kawasan awam yang telah dikategorikan sebagai kawasan larangan merokok.

b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri dalam meluaskan kawasan larangan merokok demi kesihatan rakyat?

c) Bagaimanakah Kerajaan Negeri meningkatkan kesedaran larangan merokok di taman-taman awam berdasarkan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (Pindaan 2017)?

JAWAPAN:

a) Kawasan awam yang telah dikategorikan sebagai kawasan larangan merokok di bawah Undang-undang Kesihatan Awam yang diperuntukan di bawah **Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (PPKHT):**
    1) di dalam mana-mana pusat hiburan atau teater, kecuali mana-mana pub, disko, kelab malam atau kasino, pada bila-bila masa apabila tempat itu dibuka untuk orang awam;
    2) dalam mana-mana hospital atau klinik;
    3) di dalam mana-mana lif atau tandas awam;
    4) di dalam mana-mana tempat makan atau kedai berhawa dingin;
    5) di dalam mana-mana kenderaan awam atau hentian pengangkutan awam;
    6) di dalam mana-mana lapangan terbang;
    7) dalam mana-mana kawasan premis kerajaan;
    8) di mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan di dalam sesuatu bangunan selain bangunan kediaman atau persendirian atau di mana-mana tempat awam;
    9) di mana-mana kawasan institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi;
    10) di mana-mana kawasan taman asuhan kanak-kanak;
    11) di dalam mana-mana bas sekolah;
    12) di mana-mana tingkat yang mempunyai kaunter perkhidmatan di dalam

bangunan yang dinyatakan (Jadual Kedua) seperti berikut:

- Mana-mana bank atau institusi kewangan
- Telekom Malaysia Berhad
- Tenaga Nasional Berhad
- Pos Malaysia Berhad

13) di mana-mana kawasan di kompleks membeli belah;
14) di mana-mana kawasan stesyen minyak;
15) di mana-mana kawasan stadium, kompleks sukan, pusat kecergasan atau gimnasium;
16) dalam mana-mana kawasan bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan;
17) di mana-mana kawasan perpustakaan;
18) di mana-mana kawasan kafe internet;
19) di mana-mana kawasan tempat latihan khidmat negara;
20) di dalam mana-mana tempat kerja berhawa dingin dengan suatu sistem hawa dingin berpusat;
21) dalam mana-mana bangunan atau tempat permainan kanak-kanak atau taman, termasuk lingkungan 3 meter daripada sempadan tempat itu, di kawasan rehat dan rawat (R&R);
22) Dalam mana-mana kawasan taman awam kecuali tempat letak kereta awam terbuka;
23) Dalam mana-mana menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan lima meter dari laluan masuk atau keluar titian kanopi dalam taman negara atau taman negeri.

b) Pada masa ini, Kerajaan Negeri dimaklumkan bahawa Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) dalam meluaskan kawasan larangan merokok telah mengambil pendekatan-pendekatan seperti berikut:

- Meluaskan promosi premis *Blue Ribbon Campaign* (BRC) secara sukarela kepada premis di bawah PPKHT dan bukan di bawah Akta PPKHT 2004 dan mendapat pensijilan dari Mysihat KKM. Sehingga 2017, sebanyak **31** premis di Selangor yang telah mempromosikan premis mereka sebagai premis BRC dan telah diaudit oleh pihak Mysihat untuk diberi anugerah pensijilan;
- Memasang plak premis Rumah Bebas Asap Rokok (RBAR) dan Kedai Bebas Asap Rokok (KBAR) di lokaliti KOSPEN. Plak RBAR dan KBAR bagi tahun 2017 adalah **2530;**
- Menjalankan saringan merokok kepada penduduk di lokaliti KOSPEN semasa saringan kesihatan dijalankan dan sebanyak **6,498** telah

menjalani saringan merokok dan sebanyak **1,920** telah dirujuk ke klinik berhenti merokok;

- Menjalankan pendidikan kesihatan dan mempromosikan kawasan larangan merokok dengan edaran pamplet / bunting / banner; dan
- Menjalankan kerjasama dengan NGO seperti IKRAM *Health* dalam menjalankan promosi kawasan larangan merokok di masjid-masjid di mana IKRAM Health dalam proses untuk menjadikan Selangor Bebas Asap Rokok (SELBAR).

Pelaksanaan program Perkhidmatan Berhenti Merokok (Mquit) kepada semua Ahli Jawatankuasa masjid , Pegawai Masjid dan kariah masjid akan dilaksanakan secara berstruktur dan berperingkat. Program ini bertujuan untuk melahirkan masyarakat Islam yang sihat dan menjadikan masjid sebagai kawasan bebas merokok. Program ini akan bermula pada bulan Disember 2017. Selain itu, KKM bercadang melaksanakn saringan merokok di kalangan pelajar kolej komuniti / politeknik / kolej sains kesihatan bersekutu.

c) Bagi meningkatkan meningkatkan kesedaran larangan merokok di taman-taman awam berdasarkan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 (Pindaan 2017), Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memasang papan tanda larangan merokok di taman awam atau taman rekreasi di bawah milik PBT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : ANAK-ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

210. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Siapakah ahli Lembaga Pengarah setiap Anak Syarikat Kerajaan Negeri?

b) Siapakah Ahli Lembaga Pengarah dilantik mengikut parti politik? Senaraikan.

JAWAPAN:

a) Anak Syarikat Kerajaan Negeri didefinisikan sebagai syarikat yang dikawal oleh Kerajaan Negeri melalui pegangan saham sebanyak 50% atau lebih, di mana Kerajaan Negeri mempunyai kuasa majoriti untuk mengundi. Kerajaan Negeri mempunyai 13 Anak Syarikat di bawah Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan). Berikut merupakan senarai Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor :-

Bil.	Anak Syarikat Kerajaan Negeri Selangor
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort
3.	Tourism Selangor Sdn Bhd
4.	Communication Corporation Sdn Bhd
5.	Rantaian Mesra Sdn Bhd
6.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd
7.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
8.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd
10.	Invest Selangor Berhad
11.	Yayasan Warisan Anak Selangor
12	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor
13	Yayasan Selangor

a) Ahli Lembaga Pengarah bagi setiap Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Anak Syarikat	Nama Ahli Lembaga	Jawatan
1.	Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB)	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iii. YBhg. Dato' Haji Ahmad bin Omar iv. Y.M Raja Shahreen bin Raja Othman v. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar ii. Pegawai Kewangan Negeri iii. Ketua Pegawai Eksekutif PNSB iv. Ketua Pegawai Eksekutif MBI v. Ketua Pegawai Operasi MBI
2.	Bukit Beruntung Golf & Country Resort (BBGC)	i. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman ii. YBhg. Dato' Mohd Azizi bin Mohd Zain iii. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Abd Rahim iv. Tuan Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim v. Tuan Mohamad Zain bin A Hamid vi. Tuan Ahmad Ashraf bin Asnan	i. Pegawai Kewangan Negeri ii. Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya iii. Pegawai Daerah Gombak iv. Pengarah Pejabat Tanah Dan Galian v. Yang DiPertua Majlis Daerah Kuala Langat vi. Pengurus Kanan, Pejabat Ketua Pegawai Operasi MBI
3.	Tourism Selangor	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iii. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron iv. Encik Wong Kim Hooi v. YBhg. Datin Jasmine Heng Abdullah vi. Encik Perremal A/L Maruthamuthu	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar ii. Pegawai Kewangan Negeri iii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) iv. Ahli Bebas v. Ahli Bebas vi. Ahli Bebas

Bil.	Anak Syarikat	Nama Ahli Lembaga	Jawatan
4.	Communication Corporation Sdn Bhd (CCSB)	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya iii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iv. Y.M Raja Shahreen bin Raja Othman	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar ii. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor iii. Pegawai Kewangan Negeri iv. Ketua Pegawai Eksekutif MBI
5.	Rantaian Mesra Sdn Bhd (RMSB)	i. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman ii. YB. Puan Dr Daroyah binti Alwi	i. Pegawai Kewangan Negeri ii. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita Dan Keluarga
6.	Pendidikan Industri YS Sdn Bhd (PIYSB)	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iii. YB. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman iv. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad v. Dr. Che Rosli bin Che Mat vi. Prof. (E) Dato' Ir. Dr. Muhamad Zohadie Bardaie vii. Prof. Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar ii. Pegawai Kewangan Negeri iii. Penasihat Undang-Undang Negeri iv. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi v. Ahli Parlimen Hulu Langat vi. Ahli Bebas vii. Ahli Bebas

Bil.	Anak Syarikat	Nama Ahli Lembaga	Jawatan
7.	Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd	i. YB. Tuan Amirudin Shari ii. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron (Encik Mohd Hasry bin Nor Mohd merupakan Pengarah Gantian) iii. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Abd Rahim iv. Encik Ahmad Ashraf bin Asnan v. Encik Rohaidi bin Tugiro	i. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda & Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) – Pengarah Gantian merupakan Ketua Penolong Pegawai Kewangan Negeri (Belanjawan) iii. Pegawai Daerah Gombak iv. Wakil MBI v. Pengarah, Darul Ehsan Facilities Management Sdn Bhd
8.	Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB)	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya iii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iv. Y.M Raja Dato Idris Raja Kamarudin v. Encik Suhaimi bin Kamaralzaman vi. YM Raja Shahreen bin Raja Othman vii. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar ii. Setiausaha Kerajaan Negeri iii. Pegawai Kewangan Negeri iv. Pengarah KDEB v. Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan KDEB vi. Ketua Pegawai Eksekutif MBI vii. Ketua Pegawai Operasi MBI
9.	Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB)	i. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman ii. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron iii. YB. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman	i. Pegawai Kewangan Negeri ii. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) iii. ADUN Paya Jaras

Bil.	Anak Syarikat	Nama Ahli Lembaga	Jawatan
		iv. YBhg. Tuan Cheong Seng Gee v. YB. Dato' Ahmad bin Omar vi. Y.M Raja Shahreen bin Raja Othman vii. Encik Soffan Affendi bin Aminudin	iv. Ahli Bebas v. Ketua Pegawai Eksekutif PNSB vi. Ketua Pegawai Eksekutif MBI vii. Ketua Pegawai Operasi MBI
10.	Invest Selangor Berhad	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya iii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iv. YB. Dato' Teng Chang Khim v. YBhg. Dato' Nor Azmie bin Diron vi. YBhg. Dato' Hasan Azhari bin Hj Idris	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor ii. Setiausaha Kerajaan Negeri iii. Pegawai Kewangan Negeri iv. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana dan Pengangkutan v. Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) vi. Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor
11.	Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iii. YB. Dato' Nik Suhaimi bin Nik Sulaiman iv. YBhg. Dato' Idris bin Md. Tahir v. YBhg. Dato' Siti Khamnah bt Hashim	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor ii. Pegawai Kewangan Negeri iii. Penasihat Undang-Undang Negeri iv. Ahli Bebas v. Ahli Bebas

Bil.	Anak Syarikat	Nama Ahli Lembaga	Jawatan
12.	Yayasan Dar Al Qard Al Hasan Selangor	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin Bin Ali ii. YB. Dato' Mohd Amin Bin Ahmad Ahya iii. YB. Dato' Noordin Bin Sulaiman iv. YB. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi v. YB. Dato' Noor Azmie Diron vi. YB. Tuan Dr Abdul Rani Bin Osman vii. YB. Dato' Mansor Bin Othman	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor ii. Setiausaha Kerajaan Negeri iii. Pegawai Kewangan Negeri iv. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan, Kebajikan, Pembangunan Wanita Dan Keluarga v. Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan) vi. Adun Meru vii. Pengerusi Eksekutif Yayasan Hijrah Selangor
13.	Yayasan Selangor	i. Y.A.B Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali ii. YB. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya iii. YB. Dato' Noordin bin Sulaiman iv. YB. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad v. YBhg. Tuan Hj. Mohd Salleh bin Mohd Kassim vi. YBhg. Puan Dato Hjh. Foziah binti Buang	i. Y.A.B Dato' Menteri Besar ii. Setiausaha Kerajaan Negeri iii. Pegawai Kewangan Negeri iv. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pembangunan Modal Insan, Sains, Teknologi dan Inovasi v. Pengarah Jabatan Negeri Selangor vi. Pengarah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan

b) Pada masa ini, tiada pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dalam Anak Syarikat Kerajaan Negeri yang dilantik secara spesifik mengikut parti politik.

Pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dalam Anak Syarikat Kerajaan Negeri adalah berdasarkan ketetapan dalam *Memorandum Of Article* yang terpakai di peringkat Anak Syarikat masing-masing. Selain itu, pelantikan juga dibuat berdasarkan kepada keilmuan, pengalaman, keperluan dan kelayakan dalam bidang yang diperlukan dalam sesebuah Anak-Anak Syarikat.

Walaupun terdapat segelintir daripada Ahli Lembaga Pengarah yang pada masa yang sama juga turut memegang jawatan politik, keahlian dalam Lembaga Pengarah Syarikat juga tidak bersifat dominan di mana keputusan yang dibuat dalam Lembaga adalah keputusan yang bersifat majoriti. Keahlian Ahli Lembaga Pengarah juga sememangnya terdiri daripada golongan profesional yang berkomitmen dalam menjalankan tanggungjawab masing-masing dengan penuh dedikasi dan komited tanpa sebarang sentimen yang bersifat memenuhi kepentingan mana-mana individu atau parti politik secara khusus.

Penglibatan ahli politik dalam Anak-Anak Syarikat Kerajaan Negeri juga bukanlah menjadi satu kesalahan selagi garis panduan dan etika tadbir urus korporat organisasi dipatuhi dan dipelihara. Selain itu, ahli politik juga merupakan individu yang mewakili rakyat. Justeru, aktiviti/pengurusan Anak Syarikat dapat dilaporkan secara telus dan berintegriti dalam memenuhi kepentingan rakyat.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(N14 RAWANG)

TAJUK : SKUAD PANTAS NEGERI SELANGOR

211. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah anggota Skuad PANTAS, jumlah peruntukan dan kelengkapan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada skuad PANTAS mengikut pecahan PBT.

b) Apakah jenis latihan berkala yang diadakan kepada Skuad PANTAS dan juga kepada orang awam tentang persiapan bencana alam?

JAWAPAN:

a) Berikut adalah jumlah anggota Skuad PANTAS, jumlah peruntukan dan kelengkapan yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada skuad PANTAS mengikut pecahan PBT:

PBT	JUMLAH ANGGOTA PANTAS	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	KELENGKAPAN DI PBT
MBSA	38	-	Unit ini telah dilengkapkan dengan peralatan asas untuk menyelamat dan bertugas untuk tempoh 24 jam setiap hari. Tugasan anggota dibahagi kepada 3 syift iaitu 8.00 pagi hingga 4.00 petang, 4.00 petang hingga 12.00 tengahmalam dan 12.00 tengahmalam hingga 8.00 pagi Antara kelengkapan yang dimiliki Unit PANTAS :- 1. Bot 2. Jet ski 3. Lori 4. Life Jacket 5. Compressor 6. Generator 7. Pam Air dan kelengkapan-kelengkapan yang lain.
MBPJ	20	2016 (RM47,400)	1 Buah Van 2 Buah Motorsikal Scrambler 6 Buah Chain Saw 1 Buah Power Saw

PBT	JUMLAH ANGGOTA PANTAS	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	KELENGKAPAN DI PBT
		2017 (RM 61,800)	5 Fire Blanket 2 Buah Generator 2 Buah Sportlight 10 Unit Helmet Rescue 10 Unit Lampu Amaran Jalan Raya 10 Unit Glove Repelling 2 Unit Tangga Double Side 20 Unit Baton Light 1 Glg Tali Karmentel Statik 1 Unit Kapak Fireman Axe 1 Unit Pisau Victorinox
MPK	19	Tiada	Kenderaan:- i. Ford Renjer ii. Toyota Hilux iii. Motosikal lasak (Scrambler) BKZ 175 Peralatan:- i. Honda Portable Pump GX 390 ii. Delivery Hose iii. Water Jet Silent 120T iv. Chain Saw 115DB v. Chain Saw 110DB vi. Chain Saw MS 170 (16”) vii. Chain Saw MS 361 (20”) viii. Chain Saw MS 180 (18’) ix. Hos pemadam api jenis superflex berukuran (40mm x 30m x 17 bar) x. Pam mudah alih xi. Reinforced suction hose Peralatan Peat Fire X i. Mesin Jenama : Robin 25.0 Model TDM 550 ii. Pump jenama Honda GX 160 Model: TDM 100 iii. Kanvas simpanan air (Canvas Water DAM) iv. Penyokong kanvas Simpanan air (Canvas Water DAM Stand)

PBT	JUMLAH ANGGOTA PANTAS	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	KELENGKAPAN DI PBT
MPAJ	23	Tiada	01. Chain Saw (12 inci) 5 unit 02. Metal Cutter 3 unit 03. Ganerator (1000 W) 3 Unit 04. Anger Grainder 2 Unit 05. Drill (Bateri/Letrik) 2 Unit 06. Hammer Drill 2 Unit 07. Water Pump 3 Unit 08. Manual Cutter 4 Unit 09. Tukul Besi (Batang Rotan) 10 Unit 10. Kapak 5 Unit 11. Kuku Kambing 10 Unit 12. Parang 10 Unit 13. Haler 3 Unit 14. Lampu Trafik (Boton Light) 10 Unit 15. Lampu Limpah (Sport Light) 6Unit (550 W) 16. Lampu Hazard 10 Unit 17. Lampu Suluh 10 Unit 18. Kun 50 Unit 19. Baju Hujan 20 Unit 20. Vest 20 Unit 21. Papan Lencongan “Awas” 10 Unit 22. Tangga (40 Kaki) 2 Unit 23. Tool Box 5 Unit 24. Tali Halangan “Awas” 100 Unit 25. Bateri Saiz D 20 Unit 26. Metal Blade 10 Kotak 27. Spark Plug Chin Saw 28. Spark Plug Generator 29. Rantai Chin Saw 30. Minyak Rantai Chin Saw 31. Sarung Tangan Kulit 32. Tong Simpanan Minyak Petrol 3 Unit 33. Khemah (10 X10) 2 Unit 34. Meja Lipat 5 Unit 35. Kerusi 20 Unit 36. Kabel Elektrik 3 Pase 2 Unit 37. Plug Elektrik/Cw 10 Unit 38. White Bord (5 X 4) 2 Unit 39. Topi Keselamatan 20 Unit 40. Cermin Mata Keselamatan 10 Unit 41. Kaki Lampu Limpah 4 Unit 42. Showel (Penyodok Tanah) 10 Unit 43. Cangkul 10 Unit 44. Kasut Keselamatan (But) 20 Unit 45. Water Jet 5 Unit 46. Chin Saw Galah 3 unit

PBT	JUMLAH ANGGOTA PANTAS	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	KELENGKAPAN DI PBT
MPSJ	36	Tiada	Tiada kelengkapan diberikan oleh pihak Kerajaan Negeri kepada pihak MPSJ
MPS	3	36,000.00 (peruntukan dari MPS)	Peralatan operasi seperti : 1. Mesin pemotong pokok 2. Mesin gergaji rantai 3. Mesin pemotong besi 4. Sampan 5. Kenderaan hilux 6. Galah pembakar sarang tebuan 7. Khemah 8. Lampu sportlight
MPKJ	25	Tiada	Tiada
MPSP	30	Tiada	1. Mesin air 2. Generator 3. Getah Paip 4. Tangga 5. Kuku Kambing 6. Chain Saw 7. Lampu Suluh 8. Pemadam Api ABC 9. Lilin 10. Safety Helmat 11. Traffic Button 12. Emergency Light 13. LED Floodlight 14. Kapak 15. Tukul Besi 16. Mini Cangkul 17. Kon Keselamatan 18. Tali Belati 19. Jaket Keselamatan 20. Kenderaan- Nissan X-Trial
MDKL	17	89,471.24	1.Pakaian Seragam 2.Satu Unit Kenderaan Pacuan 4 Roda – Toyota Hilux
MDHS	10	Tiada	Seperti dilampiran
MDKS	19	2,000.00	2 unit kenderaan dan peralatan serta kelengkapan yang bersesuaian.
MDSB	28	22,000.00	Kenderaan MPV Hilux, Chain Saw, Cut Saw,Khemah, Grinder, Bolt Cutter, Axe, Tanga, Stainley Pliers dll.
JUMLAH	**268**	**222,671.24**	

Nota : Sumber daripada PBT

b) Sejak penubuhan Skuad PANTAS di PBT Selangor pada tahun 2013, Kerajaan Negeri telah menyenaraikan kursus dan latihan yang perlu diberikan kepada Skuad PANTAS sepertimana yang terkandung di dalam Garis Panduan Penubuhan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor. Antara kursus dan jenis latihan yang diadakan adalah seperti berikut:

i. Kursus Peningkatan Kemahiran

BIL	KURSUS	CATATAN
1.	Rawatan Kecemasan	Tahap 1 dan seterusnya
2.	Kemahiran Renang	Asas Renang, Life Saver, Aqua Trauma, Scuba
3.	Pengendalian Bot	Pengendalian bot, Penyelamatan di air
4.	Kebakaran	Kawalan & Pemadaman Kebakaran, Pencemaran Kimia
5.	Pemotongan Pokok, Besi	
6.	Pemanduan Kenderaan Pacuan 4 Roda	
7.	Penyelamatan Tebing/Bangunan Tinggi	Abseilling, Repelling
8.	Komunikasi Radio Bencana	
9.	Pengenalpastian Risiko	Panduan Kestabilan Tanah
10.	Kawalan Hidupan Liar (Terhadap Haiwan Berbisa)	

ii. Latihan Pemantapan Kemahiran

BIL	LATIHAN	CATATAN
1.	Latihan Sangkutan (Attachment Programe)	Bomba, Hospital
2.	Simulasi Kecemasan dan Bencana	Peringkat Daerah & Negeri
3.	Latihan Bersama	PANTAS Selangor

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(N24 SEMENYIH)

TAJUK : DISKAUN PEMBELIAN RUMAH BUMIPUTERA

212. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jenis rumah yang masih memiliki diskaun pembelian bumiputera dan jumlahnya?

b) Apakah Kerajaan Negeri berhasrat menghapuskan diskaun bumiputera bagi mewujudkan konsep sama rata kepada pembeli?

JAWAPAN:

a) Untuk makluman Yang Berhormat, jenis rumah yang mempunyai diskaun Bumiputera adalah terdiri daripada kategori Rumah Harga Bebas (pasaran terbuka).

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor hanya menguruskan rumah mampu milik (Rumah Selangorku) di mana setiap pemaju perlu menyediakan serta melaksanakan 10 peratus hingga 50 peratus dan selebihnya merupakan Rumah Harga Bebas.

b) Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk menghapuskan pemberian diskaun Bumiputera kepada bakal pembeli- pembeli Bumiputera. Kadar pemberian diskaun Bumiputera adalah sebanyak 7 peratus bagi kategori perumahan/ kediaman harga bebas dan sebanyak 10 peratus untuk kategori perniagaan dan perindustrian adalah kekal sehingga ke hari ini.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(N27 BALAKONG)

TAJUK : TANGKI SIMPANAN AIR

213. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Senaraikan jumlah dan lokasi tangki simpanan yang telah di aktif semula dan lokasinya sejak Air Selangor mengambil alih SYABAS?

b) Nyatakan kos yang terbabit dalam kerja-kerja berkenaan.

JAWAPAN:

a) Berikut adalah senarai lokasi aset (rumah pam, kolam sedut, kolam menara & kolam air) yang telah diaktifkan semula sejak Air Selangor mengambilalih SYABAS (2016 - September 2017).

1. Jumlah Pengaktifan 2016 : **8**

2. Jumlah Pengaktifan 2017 : **35**

Wilayah	Bil	Nama Instolasi Bekalan Air	Tahun Diaktifkan
PETALING	1	Rumah Pam Seksyen 11, Kota Damansara	2017
	2	Kolam Sedut Seksyen 11, Kota Damansara	2017
	3	Kolam Air Bandar Kinrara 3 B	2017
	4	Kolam Air Ebor Estate	2017
	5	Kolam Air Bukit Dengkil 5 Mg Lt2	2017
	6	Kolam Menara Puchong Prima B	2017
	7	Kolam Menara Tasik Prima B	2016
	8	Kolam Air Lestari Putra A	2016
	9	Kolam Air Bandar Pinggiran Subang (Talu)	2016
	10	Kolam Air Puchong Utama B	2016
	11	Kolam Air Rafflesia T5	2017
	12	Kolam Air Rafflesia T5A	2017
	13	Kolam Sedut Maxisegar	2017
	14	Kolam Menara Maxisegar	2017
	15	Rumah Pam Maxisegar	2017
	16	Kolam Menara Taman Metro Puchong	2017

Wilayah	Bil	Nama Instolasi Bekalan Air	Tahun Diaktifkan
KLANG	17	Kolam Menara Taman Dynasty	2017
	18	Kolam Menara Pandamaran Jaya	2017
	19	Kolam Sedut Pandamaran Jaya	2017
	20	Kolam Air Bandar Setia Alam R16	2016
	21	Rumah Pam Armada Putra	2016
HULU LANGAT	22	Rumah Pam Bandar Rinching Fasa 1	2017
	23	Kolam Menara Bandar Rinching Fasa 1	2017
	24	Kolam Sedut Bandar Rinching Fasa 1	2017
	25	Rumah Pam Taman Juara Jaya	2017
	26	Kolam Sedut Taman Juara Jaya	2017
	27	Kolam Air Taman Juara Jaya	2017
	28	Kolam Menara Blu Water	2017
	29	Kolam Air Eco Majestic	2017
	30	Kolam Sedut Eco Majestic	2017
	31	Rumah Pam Eco Majestic	2017
HULU SELANGOR	32	Kolam Air Imbangan Batu 19 1/4 Rawang	2017
	33	Rumah Pam Perangsang Templer A	2017
KUALA SELANGOR	34	Rumah Pam Puncak Alam Fasa 5	2016
	35	Kolam Air Puncak Alam Fasa 5	2016
	36	Kolam Sedut Puncak Alam Fasa 5A	2017
GOMBAK	37	Kolam Sedut KL East	2017
	38	Rumah Pam KL East	2017
KUALA LUMPUR	39	Kolam Sedut Taman Bukit Seputeh	2017
	40	Rumah Pam Taman Bukit Seputeh	2017
SEPANG	41	Kolam Menara Bandar Nusaputra	2017
	42	Kolam Sedut Taman Salak Maju	2017
	43	RUmah Pam Taman Salak Maju	2017

b) Kos yang terlibat dalam kerja-kerja pengaktifan semula lokasi aset (rumah pam, kolam sedut, kolam menara dan kolam air) adalah dianggarkan sejumlah **RM 8,969,573.73** bagi tahun 2015 – 2017.

Terdapat juga lokasi aset yang diaktifkan semula tanpa melibatkan kos iaitu merujuk kepada kolam-kolam yang tidak diaktifkan sebelum ini disebabkan oleh tiada permintaan atau keperluan (fasa pembangunan belum siap sepenuhnya), isu teknikal dan isu sumber bekalan air. Selain itu, terdapat juga kolam yang telah diaktifkan semula dengan kos ditanggung oleh pihak pemaju.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(N45 SELAT KLANG)

TAJUK : PEMBANGUNAN BELIA SELANGOR

214. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Nyatakan jumlah belia di seluruh Selangor mengikut gender dan taburan ikut daerah.

b) Nyatakan peruntukan per kapita untuk belia di Selangor.

c) Apakah isu utama di kalangan belia di Selangor dan bagaimanakah kerajaan mengatasinya?

JAWAPAN:

a) Generasi Muda merupakan tonggak utama kepada pembangunan pesat sesebuah Negara serta merupakan aset yang penting dan penggerak kepada sesebuah Negeri. Di dalam konteks Dasar Belia Selangor, umur belia adalah di antara 15 hingga 30 tahun. Sehubungan itu, melalui sumber yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia, jumlah generasi muda mengikut gender di Selangor adalah sebanyak 2,444,100 daripada jumlah keseluruhan penduduk di Selangor sebanyak 6,380,800 yang diperolehi daripada Jabatan Perangkaan Malaysia adalah sebagaimana berikut :-

Penduduk / *Population* ('000) : 2,444.1
Penduduk mengikut umur dan jantina, Selangor, 2017

Umur *Age*	Perempuan *Female*	Lelaki *Male*	Jumlah *Total*	Peratus (%)
15 - 19	223.7	237.5	461.2	
20 - 24	267.9	297.8	565.7	
25 - 29	331.3	373.2	704.5	38.30
30-35	343.2	369.5	701.7	
Jumlah *Total*	1,1661.1	1,278.0	2,444.1	

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

b) Untuk makluman buat masa ini, Kerajaan Negeri tidak mempunyai rekod berhubung peruntukan per kapita untuk belia di Selangor memandangkan ianya tidak boleh diukur dan peruntukan Kerajaan Negeri bukanlah berdasarkan peruntukan per individu.

Namun begitu pada tahun 2017, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan sebanyak RM25,190,000.00 untuk Pembangunan Generasi Muda dan Sukan. Melalui peruntukan tersebut, sebanyak RM11,120,000.00 telah diperuntukkan untuk menjalankan program-program pembangunan generasi muda. Justeru itu, sebanyak 419 program iaitu sebanyak 137 program telah dianjurkan di bawah Teras Sukan & Kecergasan, 129 program di bawah Teras Kemasyarakatan, Jaringan Komuniti & Kesukarelawan, 80 program di bawah Teras Agama dan Akhlak dan 73 program di bawah Teras Kesejahteraan dan Kesihatan. Di samping itu, peruntukan sebanyak RM6,000,000.00 pula telah diperuntukkan untuk program Insentif Perkahwinan Belia yang bertujuan untuk memberi insentif kepada pasangan pengantin yang baru mendirikan rumahtangga.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan sebanyak RM11,570,000.00 bagi menjalankan program-program pembangunan sukan dan membuat persediaan bagi menyertai Sukan Malaysia (SUKMA) pada tahun 2018 melalui Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS).

Di samping itu, sebanyak RM2,500,000.00 pula telah diperuntukkan untuk Projek Menaiktaraf dan Membaikpulih Infrastruktur Sukan di Negeri Selangor yang bertujuan untuk memastikan kemudahan-kemudahan sukan tersebut dapat dinaiktaraf dan seterusnya digunakan untuk tujuan aktiviti kesukanan.

c) Berdasarkan kajian yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Sains Sosial, Universiti Putra Malaysia (UPM) pada tahun 2014, terdapat 10 bidang yang perlu diberikan penumpuan untuk membentuk Dasar Belia Selangor. 10 bidang tersebut adalah pendidikan dan latihan kemahiran, keusahawanan dan pekerjaan, kepimpinan dan organisasi, teknologi maklumat dan komunikasi, kemasyarakatan, jaringan dan kesukarelaan, kebudayaan dan kesenian, kesejahteraan dan kesihatan, sukan dan kecergasan, agama dan spiritualiti serta pengantarabangsaan.

Namun daripada 10 bidang tersebut, terdapat 2 bidang yang menjadi isu utama di kalangan generasi muda iaitu pertama, soal kemahiran teknikal dan kedua isu perumahan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri Selangor melalui Belanjawan tahun lalu telah memberikan penumpuan khusus dan juga peningkatan peruntukan bagi memperkasakan pendidikan kemahiran dan vokasional. Sejumlah RM5,000,000.00 telah diperuntukkan kepada INPENS setiap tahun bagi meningkatkan prasarana kolej itu dan tambahan

RM1,000,000.00 lagi diberikan untuk menaiktaraf kursus kemahiran serta menerokai kemahiran baru yang berpotensi untuk dikembangkan. Selain daripada jumlah itu, sebanyak RM4,000,000.00 lagi diperuntukkan setiap tahun bagi membiayai yuran pengajian pelajar di INPENS yang mempunyai pendapatan keluarga di bawah RM3,000 sebulan yang menjadikan keseluruhan peruntukan sebanyak RM10,000,000.00.

Isu kedua iaitu isu perumahan menjadi kebimbangan kepada generasi muda terutama mereka yang berada di bandar kerana harga rumah yang tinggi yang tidak sepadan dengan gaji mereka. Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan program Rumah Selangorku demi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk memiliki rumah kediaman. Sejak 2014, sebanyak 97, 432 unit rumah daripada 169 projek pembinaan telah diluluskan di seluruh Selangor. Jumlah permohonan yang telah ditawarkan rumah mampu milik adalah seramai 3,261 orang. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan sebanyak 978 orang atau 30% pemohon adalah terdiri daripada golongan belia yang berumur 40 tahun ke bawah.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL
(N25 KAJANG)

TAJUK : USAHA ATASI GANGGUAN BEKALAN AIR

215. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah rancangan jangka pendek dan jangka panjang Kerajaan Negeri untuk mengatasi permasalahan gangguan bekalan air yang kerap berlaku akibat kerosakan paip-paip lama?

b) Berapakah jangkaan kos yang terlibat?

JAWAPAN:

a) **Rancangan jangka pendek** – Air Selangor akan mengenal pasti kawasan-kawasan kritikal yang kerap mengalami masalah paip pecah. Setelah itu kawasan-kawasan tersebut akan dimasukkan ke dalam program pembentukan Zon Kawalan Meter – "District Metering Zone (DMZ)" atau Zon Pemantauan Tekanan - "Pressure Monitoring Zone (PMZ)". DMZ/PMZ tersebut akan dipasang meter dan juga injap kawalan tekanan untuk mengurangkan tekanan air ke tahap optimum. Langkah ini akan dapat mengurangkan masalah paip pecah yang disebabkan oleh tekanan air yang tinggi dan keadaan paip yang uzur. Pengurangan tekanan akan dilakukan tanpa menjejaskan bekalan air kepada pengguna.

Rancangan jangka panjang – Bagi kawasan-kawasan yang masih mengalami paip pecah walaupun berada di dalam DMZ/PMZ, Air Selangor akan mengutamakan program penggantian paip untuk paip-paip yang uzur tersebut. Air Selangor mempunyai rancangan jangka panjang untuk menggantikan semua paip AC yang lama dalam masa 30 tahun akan dating, tertakluk kepada peruntukan kewangan dan kelulusan pelan perniagaan jangka panjang. Paip lama akan diganti dengan paip baru untuk memastikan bekalan air berterusan kepada pengguna.

Perbezaan di antara DMZ dan PMZ adalah seperti berikut:

1. Perbezaan dalam saiz zon, DMZ mempunyai sambungan minimum 300 nos. PMZ tidak mempunyai keperluan minimum.

2. Kawasan yang disasarkan untuk DMZ perlu mempunyai simpanan kebocoran yang munasabah. PMZ tidak mempunyai keperluan ini. Kawasan sasaran PMZ adalah kawasan kerap berlaku paip pecah yang bertekanan

tinggi. Ruang untuk pengurangan tekanan adalah keperluan utama untuk PMZ.

b) **Anggaran kos rancangan jangka pendek** – Anggaran jumlah kos ialah RM 225 Juta untuk 1500 DMZ dan PMZ.

Anggaran kos rancangan jangka panjang – Anggaran jumlah kos ialah RM 8.2 bilion untuk 5912 km panjang paip bagi tempoh masa 30 tahun.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB
(N18 HULU KELANG)

TAJUK : KONSEP PERKONGSIAN BASIKAL

216. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Apakah perancangan kerajaan terhadap pelaksanaan konsep perkongsian basikal khususnya *oBike* di seluruh negeri Selangor?

JAWAPAN:

a)

1. Penyediaan laluan basikal di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah pun dilaksanakan pada tahun ini. Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Negeri Selangor menetapkan sasaran 1,000 kilometer laluan basikal bagi tempoh lima (5) tahun dengan mensyaratkan supaya PBT dapat menyediakan laluan basikal sekurang-kurangnya 15 kilometer bagi Majlis Bandaraya dan Perbandaran manakala 10 kilometer bagi Majlis Daerah pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, pelaksanaan laluan basikal adalah menggunakan peruntukan PBT sendiri.

2. Pada masa ini, pelaksanaan konsep perkongsian basikal (*bike-sharing)* seperti oBike di kesemua PBT di Selangor masih diperingkat kajian dan penilaian untuk memastikan kesesuaian lokasi bagi penyediaan infra serta kemudahan penyewaan basikal oleh syarikat-syarikat pembekal perkhidmatan tersebut. Kerajaan Negeri mahupun PBT juga belum menentukan mana-mana agensi atau syarikat yang akan membekalkan perkhidmatan sewaan basikal kepada orang awam di lokasi-lokasi yang bakal ditawarkan, sebaliknya telah meminta pihak Majlis Perbandaran Subang Jaya untuk menjalankan projek perintis bersama pihak Obike bagi pelaksanaan tersebut dengan memberikan tempoh percubaan selama dua (2) bulan yang dijangka selesai pada 30 November 2017 untuk menyediakan kemudahan penyewaan basikal di kawasan Subang Jaya bagi melihat permintaan serta penerimaan penduduk terhadap perkhidmatan perkongsian basikal *(bike sharing)*.

3. Konsep perkongsian basikal juga merupakan langkah awal Kerajaan Negeri untuk memastikan sistem pengangkutan awam di Negeri Selangor lebih komprehensif, menyeluruh dan bersepadu dengan mengambil kira fungsi sebagai *first mile, last mile* yang menjadikan basikal sebagai penghubung kepada sistem pengangkutan awam lain seperti Bas, KTM komuter, LRT dan MRT.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG
(N22 TERATAI)

TAJUK : PEMBINAAN JEJANTAS JALAN MAWAR, TAMAN SERAYA

217. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bilakah pembinaan Jejantas Jalan Mawar, Taman Seraya yang sepatutnya dibuat 2 tahun lepas boleh dimulakan?

JAWAPAN:

a) JKR Daerah Hulu Langat telah mengkaji skop/ kehendak teknikal dan anggaran kos projek. Susulan dari itu, proses reka bentuk Jejantas Jalan Mawar,Taman Seraya akan bermula pada tahun hadapan dan proses pembinaan dijangka bermula pada tahun 2019.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL
(N29 SERI SERDANG)

TAJUK : INSURANS KHAS KEPADA PEGAWAI-PEGAWAI DI PEJABAT DUN

218. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Bolehkah Kerajaan Negeri menyediakan insurans khas kepada pegawai-pegawai di pejabat DUN?

JAWAPAN:

a) Kerajaan Negeri melalui Kertas EXCO MTES 2/20/2013 yang dibentangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 21/2013 bertarikh 24 Julai 2013 dan disahkan pada MMKN Ke 22/2013 bertarikh 31 Julai 2013 telah bersetuju gaji Petugas Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) dinaikkan daripada RM1,164.00/ sebulan kepada RM 2,000.00/ sebulan termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman ini sebagai menghargai jasa dan khidmat bakti petugas PKM yang membantu menyelaraskan aktiviti Y.B. Ahli Dewan Negeri (ADN) di peringkat akar umbi. Sehingga kini, tiada kemudahan perlindungan insurans kepada petugas PKM memandangkan *'turnover rate'* yang tinggi dan menyukarkan petugas dilindungi insurans.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(N41 BATU TIGA)

TAJUK : *TOWN HALL MEETING* - THM

219. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Sila nyatakan PBT yang melaksanakn *"town Hall meeting"* (THM) juga kekerapan ianya dilaksanakan di setiap PBT?

b) Selain THM, apakah pendekatan lain yang diambil oleh PBT?

c) Sila berikan statistik isu-isu yang di bincangkan/di timbulkan oleh Rakyat semasa THM ini?

JAWAPAN:

a) Jumlah kekerapan keseluruhan Pelaksanaan *"Town Hall Meeting"* (THM) ialah berjumlah 49 kali bagi kesemua PBT Negeri Selangor sehingga Oktober 2017. Butiran perincian kekerapan pelaksanaan *"Town Hall Meeting"* (THM) mengikut PBT-PBT Negeri Selangor seperi berikut:

PBT	**JUMLAH KEKERAPAN PELAKSANAAN "*TOWN HALL MEETING*"**
MBSA	1
MBPJ	4
MPK	16
MPAJ	7
MPSJ	4
MPS	2
MPKj	5
MPSp	3
MDKL	0

MDHS	3
MDKS	1
MDSB	3
JUMLAH	**49**

Nota: Sumber Pihak Berkuasa Tempatan

b) Pendekatan yang diambil oleh PBT-PBT Negeri Selangor adalah seperti berikut:-

i. Mengadakan Hari Mesra Rakyat;
ii. Mengadakan Program-program seperti gotong -royong, kesihatan, dan Alam Sekitar;
iii. Pembukaan Kaunter Aduan di dalam program Rasmi Majlis;
iv. Mengadakan sesi dialog bersama penduduk dan mengambil maklum setiap aduan dan permasalahan;
v. Mengadakan Majlis Minum Petang Bersama Pengadu Tegar;
vi. Menggunakan kaedah *"direct approach"* melalui penganjuran Hari Bertemu Pelanggan yang diadakan terus di kawasan perumahan;
vii. Menggunakan media sosial dalam mendapatkan pandangan terus penduduk dan lain-lain.

c) Isu-isu yang dibincangkan atau ditimbulkan oleh rakyat dan penduduk adalah seperti berikut:

i. Penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan awam seperti jalan berlubang longkang,lampu jalan,lampu taman, taman permainan, bonggol dan ain-lain);

ii. Kesihatan dan persekitaran seperti anjing liar, tikus,nyamuk, rumah-rumah kosong,kenderaan buruk dan lain-lain;

iii. Penyelenggaraan Landskap seperti rumput tidak dicantas;

iv. Kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam;

v. Dewan serba guna;

vi. Kesesakan trafik, kenderaan berat, keselamatan seperti kacau ganggu dan lain-lain.

PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR ABDUL RANI BIN OSMAN
(N42 MERU)

TAJUK : PENYELARAS PARLIMEN

220. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

a) Berapa ramaikah bilangan penyelaras parlimen yang telah dilantik?

b) Berapakah peruntukan yang diberikan bagi setiap parlimen?

c) Berapakah peruntukan yang dibelanjakan oleh setiap penyelaras parlimen?

JAWAPAN:

a) **PEJABAT DEWAN NEGERI SELANGOR**

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 13/2017 bertarikh 5 April 2017 dan disahkan melalui MMKN Ke 14/2017 bertarikh 12 April 2017 telah meluluskan pelantikan Pegawai Penyelaras Parlimen Negeri Selangor berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017. Pegawai Penyelaras Parlimen tersebut adalah seperti berikut:-

i. Tuan Muhammad Jaafaruddin bin Sheik Daud bagi Parlimen Tanjung Karang;
ii. Tuan Mohd Fadzin bin Taslimin bagi Parlimen Sungai Besar;
iii. Tuan Khalid bin Jaafar bagi Parlimen Hulu Selangor;
iv. Tuan Dr. Dzulkefly bin Ahmad bagi Parlimen Kuala Selangor.

SEKSYEN AGIHAN DAN PEMBANGUNAN

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang telah disahkan pada 12 April 2017 telah bersetuju melantik empat (4) orang Pegawai Penyelaras Parlimen berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017 bagi Parlimen Tanjung Karang, Sungai Besar, Hulu Selangor dan Kuala Selangor.

b) Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan berjumlah RM300,000.00 kepada setiap Pegawai Penyelaras Parlimen bagi tujuan pengurusan dan projek kecil mematuhi Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2017 (PP 3/2017) – Garis Panduan Penggunaan Peruntukan Ahli Parlimen Negeri Selangor.

c) Sehingga 30 September 2017, sejumlah RM178,600.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus Tujuh Puluh Lapan Ribu Enam Ratus Sahaja) telah dibelanjakan oleh Pegawai Penyelaras Parlimen.